

Pusat Sumber Pencari Suaka beroperasi di luar talian dari Isnin - Jumaat, 10pg hingga 5ptg. **Untuk mendapatkan bantuan, sila hubungi 03 9326 6066.**

Anda boleh mengunjungi pusat di Footscray pada hari Isnin, Selasa & Khamis (10pg - 4ptg). Tetapi sila menelefon terlebih dahulu sebelum tiba untuk menyemak perkhidmatan yang tersedia pada hari-hari ini (atau lihat di bawah).

Pejabat kami ditutup pada hari Rabu dan Jumaat. Sila hubungi 03 9326 6066 untuk mendapatkan bantuan pada hari-hari ini.

Jika anda bukan ahli, kami masih boleh membantu anda. Untuk mengetahui cara ASRC boleh membantu anda, sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 10pg - 5ptg (Isnin – Jumaat).

Oleh sebab jumlah panggilan yang tinggi, ia mungkin mengambil masa yang lama untuk mendapatkan Penyambut Tetamu ASRC. Sila teruskan mencuba. Due to a very high number of people calling, it may take some time to get through to ASRC Reception.

Please keep trying. Jika anda masih belum dapat menghubungi panggilan, berhenti dan cuba lagi kemudian. Sebaiknya buat panggilan pada pukul 10.00 pagi semasa talian baharu dibuka, atau pada lewat hari.

Perkhidmatan ASRC Beroperasi Untuk Menyokong Anda

BANKMAKANAN

Jika anda adalah ahli semasa ASRC, layak untuk mengakses Bankmakanan dan memerlukan penghantaran makanan ke rumah anda, sila hubungi [03 8537 9549](tel:0385379549) atau e-mel ke foodbankbookings@asrc.org.au. Penghantaran makanan dijalankan sepanjang minggu.

Untuk semua pertanyaan lain yang berkaitan dengan akses kepada makanan, sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) dan kami boleh membantu anda.

Bankmakanan ASRC di Footscray DIBUKA pada hari Isnin, Selasa dan Khamis pada pukul:

- 11pg-12:30ptg
- 1ptg-3:30ptg

MAKANAN

Makanan untuk dibawa pulang pada masa ini tidak tersedia.

PENJAGAAN KESIHATAN

Klinik Kesihatan beroperasi pada waktu klinik yang dikurangkan dan **DIBUKA untuk janji temu fizikal** antara pukul 10 pagi dan 4 petang pada hari-hari berikut:

OGOS

- Selasa 11hb, Khamis 13hb Ogos
- Isnin 24hb, Selasa 25hb, Khamis 27hb Ogos

SEPTEMBER

- Isnin 7hb, Selasa 8hb, Khamis 10hb September

Untuk mengatur bantuan pada hari-hari lain, anda boleh menghubungi Klinik Kesihatan antara pukul 10 pagi dan 4 petang (Isnin - Jumaat) dengan menelefon **03 9274 9898** atau e-mel ke health@asrc.org.au .

Jika anda berasa tidak sihat dengan gejala COVID-19, sila jalani ujian di salah satu tapak ujian rasmi. Klik [di sini](#) untuk maklumat lanjut atau lawati <https://www.dhhs.vic.gov.au/getting-tested>. Ujian adalah percuma untuk semua orang (lihat panduan DHHS [di sini](#)). Sila bawa bersama anda bukti pengenalan diri anda.

Jika terdapat kecemasan perubatan pergi terus ke Jabatan Kecemasan di hospital awam terdekat anda atau hubungi ambulans di **000**. Di Victoria, perkhidmatan kecemasan dan ambulans hospital adalah percuma untuk orang yang mencari suaka.

PERUMAHAN

Jika anda mengalami atau berisiko kehilangan tempat tinggal, sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 10 pagi dan 5 petang (Isnin - Jumaat) dan panggilan kembali dari pekerja kes ASRC akan diatur untuk anda.

BANTUAN BAHAN DAN KEPERLUAN ASAS LAIN

Jika anda perlu menggunakan pengangkutan awam, kami mungkin dapat membantu anda dengan myki. Sila e-mel ke material_aid@asrc.org.au atau hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 10 pagi dan 5 petang (Isnin - Jumaat) dan panggilan kembali dari pekerja kes ASRC akan diatur untuk anda.

Jika anda mempunyai bayi, kami mungkin boleh membantu anda dengan lampin bayi. Sila e-mel ke material_aid@asrc.org.au atau hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 10 pagi dan 5 petang (Isnin - Jumaat) dan panggilan kembali dari pekerja kes ASRC akan diatur untuk anda.

Jika anda bermasalah membayar keperluan lain, kami mungkin dapat membantu. Sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 10 pagi dan 5 petang (Isnin - Jumaat) dan panggilan kembali dari pekerja kes ASRC akan diatur untuk anda.

BANTUAN UNDANG-UNDANG

Program Undang-Undang Hak Asasi Manusia ASRC boleh menawarkan nasihat dan bantuan undang-undang secara percuma kepada mereka yang mahu mendapatkan suaka tetapi tidak berkemampuan untuk melantik peguam persendirian dan tidak mempunyai akses kepada bantuan nasihat undang-undang yang dibiayai oleh kerajaan.

Pasukan perundangan ASRC pada masa ini tidak berada di pusat kami di Footscray.

Jika anda pelanggan sedia ada perkhidmatan undang-undang, anda boleh

menghubungi kami di 03 [9274 9889](tel:92749889) antara pukul 10.30 pagi – 2.00 petang pada hari Selasa / Khamis / Jumaat.

Jika anda pelanggan baharu anda mungkin boleh mengakses nasihat undang-undang melalui telefon dengan menghubungi [0478 700 605](tel:0478700605) pada hari Isnin dan Khamis dari pukul 10.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

SOKONGAN PEKERJAAN

Program Pekerjaan ASRC ditutup untuk janji temu fizikal tetapi masih boleh memberikan anda bantuan dalam mencari pekerjaan. **Jika anda ahli program** anda boleh menghubungi kami melalui e-mel, telefon atau Slack. **Jika anda belum menjadi ahli** Program Pekerjaan ASRC, sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) atau klik di sini untuk maklumat lanjut.

KERJA KES: Maklumat, sokongan dan rujukan

Jika anda baharu kepada ASRC atau merupakan ahli semasa, anda mungkin dapat mengakses pekerja kes di ASRC yang boleh memberikan maklumat, sokongan dan menyokong kebajikan anda serta merujuk anda kepada perkhidmatan ASRC dan perkhidmatan luaran lain dalam masyarakat.

Perkhidmatan singgah untuk mengakses sokongan kami ini pada masa ini tidak tersedia. Sila hubungi [03 9326 6066](tel:0393266066) antara pukul 11pagi – 3 petang pada hari Isnin / Selasa/ Khamis / Jumaat dan panggilan kembali dari pekerja kes ASRC akan diatur untuk anda.

PENDIDIKAN

Program ASVET adalah tertutup untuk janji temu fizikal tetapi masih menyediakan nasihat, maklumat dan rujukan bagi kursus melalui telefon. Untuk membuat janji temu

(janji temu telefon anda), sila hubungi [03 9274 9807](tel:0392749807) atau [03 9274 9834](tel:0392749834) antara pukul 10 pagi dan 5 petang (Isnin - Jumaat).

PROGRAM ADVOKASI HAK PENAHANAN (DRAP)

Pasukan DRAP tersedia seperti biasa untuk menyokong pelanggan yang ditahan di dalam dan di luar persisiran. Sila whatsapp kami di telefon DRAP phone – (+61) 04 2667 9247 untuk salah seorang pekerja kes kami menghubungi anda.

Apa itu koronavirus, juga dikenali sebagai COVID-19?

Untuk maklumat lanjut tentang COVID-19 (terjemahan) lawat:

sbs.com.au/language/coronavirus

Ketahui maklumat dan nasihat lanjut tentang koronavirus (COVID-19) – gejala, perjalanan dan apa yang anda perlu lakukan untuk mengurangkan risiko jangkitan, lawat: dhhs.vic.gov/coronavirus

Jika anda berasa tidak sihat dengan gejala COVID-19 symptoms, sila jalani ujian di salah satu tapak ujian rasmi. Lawat <https://www.dhhs.vic.gov.au/getting-tested>. Ujian adalah percuma untuk semua orang. Sila bawa bersama anda bukti pengenalan diri anda.

Lembaran Maklumat

Lembaran maklumat tentang tajuk berikut tersedia melalui laman web ASRC

- Undang-undang penjarakan sosial dan pengasingan diri [di sini](#).
- Talian utama Koronavirus dan hak anda [di sini](#).
- Cara kami dapat membantu anda jika anda hilang pekerjaan [di sini](#).
- Perkara lain yang anda mungkin perlu pertimbangkan [di sini](#).

Maklumat lanjut tersedia untuk ibu bapa dan penjaga melalui Jabatan Pendidikan dan Latihan

Lawat education.vic.gov.au

- Kembali ke pengajaran di laman web (terjemahan)
- Nasihat am (terjemahan) di bawah “Bercakap dengan anal anda”, “Nasihat dalam bahasa anda”
- Panduan Bacaan Ringan tentang bercakap dengan anak anda tentang Koronavirus (COVID-19)